

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN)
(PINDAAN) 2020

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Phg. P.U. 30 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

1. Tajuk ringkas

Phg. P.U. 5

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

2. Tafsiran
3. Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen
4. Kehendak bangunan bagi pasar persendirian
5. Kehendak bagi penjualan daging dan ikan
6. Bekalan air
7. Kehendak kebersihan
8. Terma dan syarat untuk mengeluarkan lesen pasar persendirian
9. Lesen gerai dikehendaki dalam pasar persendirian
10. Mempamerkan lesen
11. Tuan punya gerai hendaklah hadir
12. Perlantikan seorang nomini
13. Gerai tidak boleh diserah hak, dipajak, disewa atau disewa kecil
14. Peraturan tempat penjualan
15. Tidak boleh membazir air
16. Penjualan makanan tak berkhasiat dilarang
17. Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya
18. Membuang sampah
19. Halangan
20. Peredup dan perubahan
21. Menggunakan kereta beroda besi dilarang
22. Membawa masuk kenderaan
23. Api
24. Menggunakan gerai secara salah
25. Kacau ganggu
26. Peminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang
27. Orang-orang yang berpenyakit
28. Mengganggu pepasangan elektrik atau air
29. Kuasa untuk memeriksa
30. Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menahan pajakan
31. Pemasangan perkakas atau sambungan elektrik

32. Fi
33. Pemindahan petak dan gerai penggantian lesen
34. Kesalahan

Phg. P.U. 30 [Pindaan 2020]

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

Dibuat pada **17 Disember 2020** (Dato' Sri Haji Wan Rosdy bin Wan Ismail)

Disahkan pada **21 Disember 2020** (Syed Ahmad Khirulanwar Alyahya bin Syed Abdul Rahman)

Undang-Undang Kecil Baharu

35. Kegagalan mematuhi syarat lesen
36. Merampas barang
37. Mengkompaunan kesalahan
38. Tempoh dan pembaharuan lesen
39. Pembayaran balik deposit

Phg. P.U. 5

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) 2005

Dibuat pada **28 Oktober 2004** (Dato' Sri Haji Adnan bin Haji Yaakob)

Disahkan pada **19 Januari 2005** (Nashruddin bin Md. Salim)

JADUAL

AKTA KERAJAAN TEMPATAN

UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (LEMBAGA PEMBANGUNAN TIOMAN) (PINDAAN) 2020

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Pihak Berkuasa Negeri dengan ini membuat undang-undang kecil yang berikut:

Tajuk ringkas

1. (1) Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Lembaga Pembangunan Tioman) (Pindaan) 2020**.

Tafsiran

2. Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:

“**gerai**” termasuklah sesuatu petak;

“**Lembaga**” ertinya Lembaga Pembangunan Tioman yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Enakmen Lembaga Pembangunan Tioman 1997 [Enakmen No.7 tahun 1997];

“**pasar awam**” ertinya sesuatu pasar yang dipunyai dipajakkan atau disenggara oleh Lembaga;

“**pasar persendirian**” ertinya sesuatu pasar selain dari pasar awam dan termasuklah pasar mini dan pasar raya;

“**petak**” ertinya mana-mana ruangan yang ditetapkan dalam lingkungan sesuatu pasar dan digunakan untuk menjual apa-apa barang yang diluluskan oleh Lembaga;

“**Timbalan Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Tioman;

“**tuan punya gerai**” ertinya seseorang yang dilesenkan oleh Lembaga untuk menjual dalam lingkungan pasar awam dan dalam pasar persendirian atau seseorang individu yang dibenarkan oleh pemegang lesen pasar persendirian untuk menjual dalam lingkungan pasar persendirian itu dan dalam kedua-dua keadaan itu termasuklah orang yang bertanggungjawab terhadap gerai-gerai itu;

“**Yang Dipertua**” ertinya Pengurus Lembaga Pembangunan Tioman dan termasuklah Timbalan Yang Dipertua.

Larangan ke atas pasar persendirian tanpa lesen

3. Tiada seorang pun boleh menubuhkan, mengelolakan atau menjalankan pasar persendirian di mana-mana tempat, tanah pegangan atau bangunan, **tanpa mempunyai lesen** yang dikeluarkan oleh Lembaga di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Kehendak bangunan bagi pasar persendirian

4. (1) **Dinding** bagi pasar persendirian hendaklah cukup kemas dengan **permukaan yang licin yang boleh dibersihkan dengan mudah dan cepat** tanpa apa-apa projeksi atau ceruk atau sudut yang mungkin mengumpulkan habuk.

(2) **Lantai** hendaklah diperbuat daripada **bahan kalis air** dengan dikemas dan dicuramkan dengan licin supaya segala bendalir mudah mengalir ke parit.

(3) **Parit** hendaklah dibina dari **batu bata bergariskan simen** yang elok dan bentuk yang separa bulat sebelah bawah atau separuh paip tembikar gilap yang mana garis pusatnya hendaklah **tidak kurang daripada 15 sentimeter** dan hendaklah cukup bilangannya serta cerunnya supaya **dapat mengalirkan keluar segala air dan bendalir-bandalir** lain.

(4) **Lantai di tingkat atas** hendaklah sempurna dibina dengan menggunakan simen konkrit atau papan lantai bertanggam lidah dan lurah bertutup atau ditanggam secara lain supaya kedap air.

Kehendak bagi penjualan daging dan ikan

5. (1) Dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dipotong, disiang, disimpan, dipamerkan atau didedahkan untuk dijual, **dindingnya hendaklah dibina setinggi 180 sentimeter dari lantai** yang permukaannya dari jubin gilap, batu-bata gilap atau lain-lain bahan kalis air sebagaimana yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) **Semua meja, kaunter bangku panjang atau petak peraga** yang digunakan untuk mempamerkan apa-apa daging atau ikan untuk dijual hendaklah **diliputi marmor, jubin gilap, keluli berkilat, aluminium, kaca atau apa-apa bahan lain** yang diluluskan oleh Lembaga.

(3) **Penyangkuk untuk menggantung** daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual hendaklah diletakkan **sekurang-kurangnya 1 meter daripada beranda atau kaki lima** dan hendaklah dari bahan **kalis karat** dan hendaklah ditukar apabila Lembaga mengarahkan berbuat demikian.

(4) **Peti sejuk, penyejuk beku atau pendingin** dari sesuatu bentuk yang diluluskan hendaklah dipasangkan jika dikehendak berbuat demikian oleh Lembaga.

(5) **Menyiang dan menyembelih** ayam itik tidak boleh dijalankan di mana-mana pasar, kecuali di tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan.

(6) Ayam itik **hidup** yang dibawa ke dalam pasar hendaklah **disimpan** dalam kurungan plastik atau logam.

Bekalan air

6. Bekalan air yang bersih dan segar hendaklah sentiasa ada di premis itu yang hendaklah didapati daripada bekalan air awam atau dari sumber lain sebagaimana diluluskan oleh Lembaga.

Kehendak kebersihan

7. Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian atau sesuatu gerai atau petak di sesebuah pasar awam dan persendirian hendaklah mematuhi kehendak-kehendak yang berikut:
- (i) pada bila-bila masa diarahkan oleh Lembaga dalam hal sesebuah pasar persendirian dan pasar awam hendaklah dikeluarkan dari premis berlesen itu semua barang yang mudah alih dan keseluruhan premis itu dibersihkan, dicatkan atau disapu kapur, dan segala pemberiahan yang perlu hendaklah dibuat terhadap premis itu;
 - (ii) semua makanan yang bertujuan untuk dijual hendaklah berada dalam keadaan bersih dan dilindungi dengan berkesannya daripada lalat, vermin, serangga, habuk, kotoran atau bahan atau benda lain yang merosakkan;
 - (iii) semua perkakas dan pepasangan yang digunakan di premis itu hendaklah berada dalam keadaan bersih dan bebas daripada apa-apa endapan merbahaya atau kecemaran;
 - (iv) tiada apa-apa barang dari jenis alatan tidur atau pakaian boleh digantung atau disimpan dalam mana-mana bahagian pasar selain daripada sesuatu kawasan yang disediakan khas untuk tujuan itu;
 - (v) menyimpan makanan, sama ada telah dimasak atau mentah, dalam keadaan kemas dan bersih supaya ianya tidak dihinggapi lalat, vermin, serangga, kotoran, habuk atau barang atau benda lain yang merbahaya;
 - (vi) membungkus segala makanan untuk pelanggan dengan kertas, atau bahan lain yang bersih dan tidak tercemar dengan apa-apa juga cara;
 - (vii) menyimpan segala perkakas dan alat-alat yang digunakan berkaitan dengan perniagaannya bersih dan tidak tercemar dengan apa-apa cara pun;
 - (viii) menyenggara diri dan pakaianya supaya berada dalam keadaan bersih; dan
 - (ix) mengecat gerainya seberapa kerap yang diarahkan berbuat demikian oleh Lembaga.

Terma dan syarat untuk mengeluarkan lesen pasar persendirian

8. (1) Dalam hal sesuatu pasar persendirian, Lembaga boleh menetapkan:
- (a) **bilangan maksimum** gerai, petak atau lot yang boleh didirikan atau diperuntukkan dalam pasar persendirian itu;
 - (b) **kedudukan** dalam kawasan pasar persendirian yang mana gerai atau petak itu boleh didirikan atau digariskan gerai atau petaknya;
 - (c) **jenis** makanan yang telah dimasak atau mentah, minuman atau barang-barang yang dijual atau yang akan dijual dalam tiap-tiap seksyen atau bahagian pasar persendirian; dan

(d) **apa-apa kehendak lain** sebagaimana yang difikirkan perlu oleh Lembaga.

(2) Lembaga boleh mengeluarkan lesen bagi pasar persendirian atas apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut.

Lesen gerai dikehendaki dalam pasar persendirian

9. Tiada seorang pun boleh menjual atau mendedahkan atau menyimpan untuk menjual haiwan atau daging ikan, ayam, itik, buah-buahan, sayur-sayuran atau benda makanan lain yang mudah busuk untuk tujuan makanan manusia, atau apa-apa pakaian, dagangan atau barang lain di mana-mana pasar persendirian kecuali dalam gerai atau petak yang baginya lesen yang telah diberikan oleh Lembaga.

Mempamerkan lesen

10. Seseorang pemegang lesen –

(a) sesuatu pasar persendirian hendaklah pada **setiap masa mempamerkan** lesenya di bahagian yang **mudah dilihat** di premisnya;

(b) sesuatu petak dalam sesuatu pasar awam hendaklah menyimpan lesen itu pada dirinya atau disuatu tempat yang membolehkannya mengeluarkan lesen itu apabila diminta.

Tuan punya gerai hendaklah hadir

11. Seseorang tuan punya gerai di sesuatu kawasan pasar –

(a) hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerai atau petaknya melainkan jika dia tidak dapat berbuat demikian oleh kerana sesuatu sebab yang munasabah; dan

(b) boleh dengan kebenaran Lembaga secara bertulis, mengambil kerja seorang pembantu yang diberi kuasa yang nama dan gambaranya hendaklah diletakkan pada kad lesen dan tuan punya gerai itu adalah bertanggungjawab atas tindakan pembantunya dan hendaklah berada sendiri di gerai itu dari pukul **8.00 pagi hingga 12.00 tengahari**.

Perlantikan seorang nomini

12. (1) Jika seseorang tuan punya gerai di mana-mana pasar awam meninggalkan gerainya selama tempoh **tiga puluh hari atau lebih**, dia hendaklah **melantik seorang nomini menggantikanya** dengan kelulusan secara bertulis terlebih dahulu daripada Lembaga dan apa-apa kelulusan di bawah Undang-Undang Kecil ini tidak boleh melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) **Fi** sebanyak **sepuluh ringgit** hendaklah dibayar oleh tuan punya gerai bagi pelantikan **seorang nomini**.

Gerai tidak boleh diserahkan hak, dipajak, disewa atau disewa kecil

13. Seseorang tuan punya gerai tidak boleh menyerah hak, memajak, menyewa atau menyewa kecil gerainya, tanpa kebenaran bertulis daripada Lembaga.

Peraturan tempat penjualan

14. Lembaga di dalam hal suatu pasar awam dan seorang pemegang lesen pasar persendirian boleh mengumpukkan bahagian atau pecahan yang berlainan bagi pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana-mana yang berkenaan, untuk jualan berlainan jenis makanan yang sudah dimasak atau makanan mentah, minuman, benda atau barang-barang, dan tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk dijual atau menjual apa-apa makanan, minuman, benda atau barang-barang di tempat lain selain dalam bahagian atau pecahan yang telah diasingkan untuk menjual makanan, minuman, benda atau barang-barang itu.

Tidak boleh membazir air

15. Jika bekalan air awam disediakan dalam mana-mana pasar awam, tiada seorang pun boleh membazir air, dan semua orang hendaklah mematuhi arahan sebagaimana yang diberikan oleh Lembaga.

Penjualan makanan tak berkhasiat dilarang

16. (1) Tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk dijual atau menjual di mana-mana pasar apa-apa benda makanan dan minuman yang tidak berkhasiat untuk makanan manusia.

(2) Yang Dipertua atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga **boleh menyita, menyiasat dan memeriksa** mana-mana binatang, burung, daging dan ikan yang berpenyakit, atau buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain benda makanan dan minuman yang tidak berkhasiat atau tidak layak untuk dimakan oleh manusia dan **boleh memerintahkan benda-benda itu dimusnahkan jika difikirkan patut.**

Sekitar gerai hendaklah dijaga kebersihannya

17. Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah menjaga mana-mana lebuh, lorong atau ruang hadapan, belakang atau tepi gerai atau petaknya dan sekitarnya supaya berada dalam keadaan bersih dengan memuaskan hati Lembaga.

Membuang sampah

18. (1) Tiap-tiap tuan punya gerai hendaklah **mengadakan dan menyenggara** secara teratur berkenaan dengan gerainya bilangan tong sampah yang mencukupi yang bertutup dan baik dari corak dan bahan yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Tiada tuan punya gerai atau orang lain boleh **meletak atau menyebabkan atau membenarkan diletek** apa-apa sampah sarap, sampah, kotoran atau lain-lain bahan atau benda yang dibuang olehnya semua menjalankan perniagaannya di mana-mana tempat **selain daripada dalam tong sampah** itu.

(3) Segala sampah hendaklah **dimasukkan ke dalam beg plastik atau bekas lain** yang ringan sebagaimana diluluskan oleh Lembaga **sebelum diletakkan ke dalam tong sampah**.
(4) Tiap-tiap punya gerai hendaklah menentukan segala sampah yang dikumpul dalam urusan perniagaannya diletakkan dari semasa ke semasa di tempat yang disediakan untuk tujuan itu.

(5) **Tiada** tuan punya gerai boleh menyebabkan atau **menbenarkan dimasukkan, ditumpahkan, ditaburkan atau dibuang apa-apa darah, air garam, cecair buangan atau bahan busuk lain** ke dalam mana-mana longkang atau ke atas lantai mana-mana pasar kecuali di tempat-tempat yang ditetapkan bagi maksud itu oleh Lembaga.

Halangan

19. **Tiada** tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam boleh –

- (a) meletak, mendirikan atau menempatkan gerai atau petaknya melebihi had-had yang diuntukkan baginya, dan tiada pelindung panas atau penutup boleh melebihi 30 sentimeter dari gerai atau petak itu melainkan diluluskan oleh Lembaga secara bertulis;
- (b) menyebabkan atau membenarkan mana-mana barang, barang dagangan atau barang, alat atau benda lain yang berkaitan dengan perniagaannya diletak, dipamer atau didedah untuk dijual di atas mana-mana tangga, lorong, jalan lalu atau jalan tembus pasar atau sebelah atas, di atas atau merintang mana-mana parit atau mana-mana bahagiannya di pasar;
- (c) menyebabkan atau membenarkan barang dagangan, barang atau barang, alat atau benda lain yang berkaitan dengan perniagaannya melebihi had-had gerai atau petak yang diuntukkan kepadanya;
- (d) menyebabkan sesuatu halangan dalam sesuatu pasar atau di mana-mana lebuh, jalan lalu atau hala ke sesuatu pasar dengan apa-apa kenderaan, barang, kotak, bakul, kereta sorong atau benda lain; dan
- (e) mendirikan apa-apa kotak, tertingkat apa, atau struktur lain di gerai atau petaknya yang tingginya melebihi 2.4 meter daripada paras lantai, atau timbuhan atau susunan barang-barang, kotak, bakul, bungkus atau benda lain di atas gerai atau petak yang melebihi paras tinggi yang tersebut itu.

Peredup dan perubahan

20. Tiada seorang pun boleh mendirikan apa-apa **peredup, pelindung atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan** kepada sesuatu gerai tanpa persetujuan bertulis daripada Lembaga.

Menggunakan kereta beroda besi dilarang

21. Tiada seorang pun boleh menggunakan sesuatu kereta tolak atau troli beroda besi bagi maksud mengangkut barang dalam lingkungan sesuatu pasar awam.

Membawa masuk kenderaan

22. Tiada seorang pun boleh memandu sesuatu kenderaan bermotor atau membawa basikal roda tiga, atau basikal masuk ke dalam mana-mana pasar bagi maksud mengangkut barang untuk dijual melainkan jika dibenarkan secara bertulis oleh Lembaga.

Api

23. Api tidak boleh dinyalakan dan memasak atau merebus tidak boleh dilakukan di dalam sesuatu pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga tertakluk kepada apa-apa syarat yang dikenakan olehnya.

Menggunakan gerai secara salah

24. Tiada seorang pun boleh duduk, berdiri, berbaring atau tidur di atas sesuatu gerai dalam sesuatu pasar.

Kacau ganggu

25. Tiada seorang pun boleh dalam sesuatu pasar –

- (a) melakukan kacau ganggu;
- (b) meludah di atas lantai, gerai atau lain-lain bahagian di pasar;
- (c) membuang apa-apa sayur-sayuran, najis binatang, sisa-sisa, sampah sarap atau bahan atau benda busuk lain ke atas sesuatu gerai, jalan raya, jalan lalu, tangga atau mana-mana bahagian pasar, kecuali ke dalam tong sampah atau bekas sampah;
- (d) membela anjing atau binatang lain atau membawa anjing atau binatang lain sama ada berikat atau tidak ke dalam pasar, atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau binatang lain mengekorinya ke dalam pasar.

Peminta sedekah dan mendedahkan apa-apa kecacatan dilarang

26. Tiada seorang pun boleh mengemis atau meminta sedekah atau mendedahkan atau memamerkan apa-apa kudis, luka, penyakit atau kecacatan pada tubuh badan di pasar dan mana-mana pegawai-pegawai Lembaga yang **diberi kuasa hendaklah menghalau orang-orang itu** daripada pasar tersebut, dan orang-orang yang demikian itu tidak boleh terlibat atau membantu dalam apa-apa perniagaan di dalamnya.

Orang-orang yang berpenyakit

27. **Tiada** seorang pun yang diketahui menghidap merebak atau berjangkit atau membawa jangkitan apa-apa penyakit boleh **diambil kerja dalam penyediaan atau penjualan makanan** dalam sesuatu pasar, dan seseorang yang diambil kerja sedemikian itu hendaklah jika dikehendaki berbuat demikian oleh Yang Dipertua atau mana-mana pegawai diberi kuasa oleh Lembaga, menjalani pemeriksaan perubatan.

Mengganggu pepasangan elektrik atau air

28. Tiada seorang pun boleh mengubah atau mengganggu sesuatu pasangan elektrik atau air dalam sesuatu pasar awam.

Kuasa untuk memeriksa

29. Tiada seorang pun boleh **menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa** oleh Lembaga daripada **memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian** sesuatu premis pasar pada bila-bila masa.

Kuasa untuk mengusir orang yang melanggar peraturan dan menahan pajakan

30. Mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Lembaga boleh **membuang atau menyebabkan diusir** daripada sesuatu pasar awam mana-mana orang atau orang gajinya yang telah disabitkan atas sesuatu **kesalahan mengingkari** mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini dan boleh menghalang orang itu atau orang gajinya daripada **menjalankan lagi apa-apa perniagaan** atau urusan dalam pasar itu atau **menduduki** mana-mana gerai, kedai atau tempat lain di dalamnya, dan boleh **menamatkan** apa-apa pajakan atau tempoh pemegangan yang dimiliki oleh itu mengenai sesuatu gerai, kedai atau tempat lain itu.

Pemasangan perkakas sambungan elektrik

31. Tiada apa jua perkakas atau sambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh seseorang tuan punya gerai dalam sesuatu pasar awam tanpa kebenaran Lembaga secara bertulis terlebih dahulu dan tuan punya gerai hendaklah **menanggung segala kos dan perbelanjaan** mengenai penyambungan, pendawaian dan pemasangan itu dan hendaklah membayar segala caj elektrik sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Fi

32. Fi yang kena dibayar bagi lesen gerai pasar dan bagi pasar persendirian hendaklah sebagaimana masing-masing ditetapkan dalam **Jadual Pertama dan Kedua**.

Pemindahan petak dan gerai penggantian lesen

33. Dalam hal keadaan di mana Lembaga membenarkan pemindahan sesuatu gerai atau petak dalam sesuatu pasar awam, atau dalam keadaan di mana lesen digantikan oleh kerana kehilangan atau kerosakan kepada lesen asal, fi yang kena dibayar hendaklah sebagaimana ditetapkan oleh Lembaga.

Kesalahan

34. Mana-mana orang yang **melanggar** mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan **penalti** sebagaimana diperuntukan dalam seksyen 119 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171].

Kegagalan mematuhi syarat lesen

35. (1) Lembaga boleh **menggantung atau membatalkan lesen** yang diberikan di bawah Undang-Undang Kecil ini jika berlaku **kegagalan mematuhi** mana-mana syarat lesen seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil ini.

Dengan syarat bahawa Lembaga tidak boleh menggantung atau membatalkan sesuatu lesen melainkan jika pemegang lesen telah diberi peluang membuat apa-apa representasi bertulis yang mahu dibuatnya dalam tempoh **empat belas (14) hari**

–

- (a) dari tarikh notis pemakluman penggantungan atau pembatalan lesen **ditampal di premis pemegang lesen**; atau
- (b) dari tarikh **penerimaan notis** penggantungan atau pembatalan oleh pemegang lesen.

(2) Jika Lembaga berpendapat bahawa representasi bertulis yang diterima daripada pemegang lesen menghendaki penjelasan lanjut, maka Lembaga boleh menghendaki pemegang lesen supaya memberikan penjelasan lanjut dalam tempoh sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Setelah menimbangkan representasi pemegang lesen itu dan jika penjelasan lanjut telah diberikan, Lembaga telah berpuas hati bahawa pemegang lesen itu telah melanggar mana-mana terma, syarat atau peruntukan lesen, Lembaga boleh –

- (a) **menggantung** lesen itu dalam tempoh **empat belas (14) hari** dari tarikh Lembaga menerima penjelasan lanjut daripada pemegang lesen; atau
- (b) **membatalkan** lesen itu mulai dari suatu tarikh sebagaimana yang dinyatakan oleh Lembaga.

(3) Lembaga hendaklah **memberitahu pemegang lesen** tentang butir-butir alasan yang berasaskannya lesen itu dicadangkan akan digantung atau dibatalkan –

- (a) dengan **menampal suatu salinan notis** itu di tempat yang mudah dilihat di premis berlesen itu; atau
- (b) dengan **menyampaikan suatu salinan notis** itu kepada pemegang lesen.

(4) Keputusan Lembaga untuk menggantung atau membatalkan lesen adalah muktamad. Keputusan penggantungan atau pembatalan lesen hendaklah disampaikan kepada pemegang lesen melalui cara yang sama sebagaimana di perenggan (3).

Merampas barang

36. (1) Jika seseorang disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Makhamah boleh memerintahkan supaya dirampas –

- (a) kesemua atau sebahagian daripada barang yang menjadikan kesalahannya; atau
- (b) mana-mana barang lain harta kepunyaan orang yang dituduh itu yang digunakan olehnya untuk melakukan kesalahan itu atau yang telah dicadangkan hendak digunakan bagi melakukan sesuatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

Pengkompaunan kesalahan

37. (1) Jika seseorang melakukan suatu kesalahan di bawah Undang-Undang Kecil ini, Lembaga boleh dengan izin Timbalan Pendakwa Raya **mengkompaunkan mana-mana kesalahan** yang dilakukan di bawah Undang-Undang Kecil ini. Lembaga boleh **menetapkan kadar bayaran kompaun tidak melebihi amaun denda maksimum** bagi peruntukan kesalahan tersebut, sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Jika Lembaga berniat hendak mengkompaun sesuatu kesalahan, Lembaga hendaklah **memberikan notis secara bertulis tentang niatnya** untuk berbuat demikian kepada orang itu dan boleh menyampaikan notis itu melalui apa-apa cara yang difikirkan patut dan notis itu hendaklah juga **menyatakan** –

- (a) **tarikh** dan **tempat** berlakunya kesalahan itu dan **kesalahan** yang dilakukan;
 - (b) **jumlah wang** yang hendaklah dibayar untuk mengkompaun kesalahan itu; dan
 - (c) **tarikh** selewat-selewatnya jumlah wang itu **hendaklah dibayar**.
- (3) Jika orang itu bersetuju supaya kesalahan itu dikompaun, dia **hendaklah mengaku melakukan kesalahan** itu dan hendaklah **membayar jumlah wang** yang dinyatakan itu selewat-selewatnya pada tarikh yang dinyatakan dan berikut dengan itu, Lembaga hendaklah **membuat suatu perintah** menyatakan bahawa kesalahan itu telah dikompaun dan perintah itu hendaklah juga, **mutatis mutandis**, mengandungi butir-butir yang dinyatakan dalam perenggan 2(a), (b) dan (c).

Tempoh dan pembaharuan lesen

38. (1) Sesuatu lesen melainkan jika digantung atau dibatalkan terlebih awal **hendaklah sah sehingga 31 Disember** setiap tahun.
- (2) Sesuatu lesen boleh diperbaharui apabila Lembaga berpuas hati bahawa pemohon telah **menjelaskan bayaran lesen pada kadar yang ditetapkan** oleh Lembaga dan mematuhi kehendak Undang-Undang Kecil ini.
- (3) Sesuatu permohonan untuk memperbaharui lesen bagi tahun berikutnya hendaklah dibuat **tidak lewat dari tiga bulan sebelum tempoh sah tamat**.
- (4) Kelewatan menjelaskan bayaran lesen dalam tempoh tiga bulan tersebut boleh dikenakan **denda sebanyak 20 peratus daripada jumlah fi lesen tahunan** yang dikenakan.

Pembayaran balik deposit

39. (1) Lembaga boleh, sebelum mengeluarkan sesuatu lesen atau pada bila-bila masa selepas itu, menghendaki pemegang lesen itu membuat suatu deposit dalam apa-apa jumlah wang sebagaimana yang ditentukan olehnya untuk memastikan bahawa syarat atau sekatan lesen itu dan peruntukan Undang-Undang Kecil ini dipatuhi dengan sewajarnya.
- (2) Lembaga boleh melucutahkan **keseluruhan atau sebahagian** daripada deposit itu jika dia berpuas hati bahawa **telah berlaku pelanggaran** mana-mana syarat atau sekatan lesen itu atau pelanggaran mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini.

JADUAL PERTAMA
LESEN GERAI PASAR

| Jenis Gerai | Barang Yang Dijual | *Kadar Sebulan | |
|-----------------------|--|-----------------------|----------|
| | | A | B |
| 1. Gerai yang dikunci | Semua jenis | RM30.00 | RM50.00 |
| 2. Gerai Pasar | (a) Ikan | RM40.00 | RM65.00 |
| | (b) Daging | RM40.00 | RM65.00 |
| | (c) Buah-buahan/ sayur-sayuran/ telur/ tauhu | RM25.00 | RM40.00 |
| | (d) Barang-barang lain | RM20.00 | RM30.00 |
| 3. Petak penjaja | Ikan/ sayur-sayuran/ (di dalam dan di luar) | RM20.00 | RM30.00 |
| 4. Ais | Ketul ais | RM40.00 | RM65.00 |
| 5. Kelapa | Kelapa parut | RM40.00 | RM65.00 |

***Kadar A** hendaklah terpakai bagi gerai-gerai di semua pasar yang sedia ada melainkan jika ditetapkan sebaliknya oleh Lembaga dalam hal mana kadar B hendaklah terpakai.

***Kadar B** hendaklah terpakai kepada semua pasar yang dibina selepas Undang-Undang Kecil ini berkuatkuasa.

JADUAL KEDUA
BAYARAN LESEN BAGI SETAHUN

(a) Pasar Persendirian

- | | |
|--|----------|
| (i) Luas lantai 70 meter persegi atau lebih | RM450.00 |
| (ii) Luas lantai kurang daripada 70 meter persegi | RM350.00 |

(b) Pasar Raya dan Pasar Mini

- | | |
|---|------------|
| (i) Luas lantai 186 meter persegi atau lebih | RM1,500.00 |
| (ii) Luas lantai kurang daripada 186 meter persegi | RM700.00 |